

FROM :

FAX NO. : 95124089

06 Feb. 2018 11:26AM P 002/003

Tingkat 2, Blok A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.

Level 2, Blok A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.



**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG
STATE SECRETARY OF PAHANG**

• Telefon : 09-5162253
09-5126601
• Fax : 09-5156106

Ruj. Kami : SUKPHG-13.100-1/3/(1)

Tarikh : 02 Februari 2018

SEMUA KETUA JABATAN NEGERI

SEMUA PEGAWAI DAERAH

**SEMUA SETIAUSAHA BAHAGIAN / KETUA UNIT
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA. Dato' Sri/ YB. Dato' Indera/ YH Dato' Sri/
YH. Dato'/ Tuan/ Puan,

**PEGAWAI AWAM YANG MENJALANKAN PEKERJAAN LUAR DI BAWAH
PERATURAN 10, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN
DAN TATATERTIB) (PAHANG) 2015**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) (Pahang) 2015, pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang ingin menjalankan pekerjaan luar hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan.
3. Berdasarkan pemerhatian oleh pentadbiran ini, didapati terdapat kalangan pegawai dan anggota perkhidmatan awam yang bertugas telah melakukan pekerjaan luar atau kerja sambilan seperti perniagaan secara dalam talian, pemandu Grab / Uber dan lain-lain tetapi tidak memohon kebenaran secara bertulis daripada Ketua Jabatan.
4. Sehubungan dengan itu, kerjasama Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA. Dato' Sri/ YB. Dato' Indera/ YH Dato' Indera/ YH. Dato'/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memastikan pegawai dan anggota Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA. Dato' Sri/ YB. Dato' Indera/ YH Dato' Indera/ YH. Dato'/ Tuan/ Puan yang melakukan pekerjaan luar atau kerja sambilan perlulah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Ketua Jabatan masing-masing selaras dengan Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) (Pahang) 2015. Pelanggaran peruntukan peraturan tersebut oleh seseorang pegawai boleh menyebabkannya dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) (Pahang) 2015.

5. Ketua Jabatan juga diingatkan agar mengambil perhatian dan memastikan bahawa pekerjaan luar yang diluluskan itu:
- 5.1 tidak dilakukan dalam waktu pejabat dan semasa pegawai itu dikehendaki melaksanakan tugas rasminya;
 - 5.2 tidak dengan apa-apa cenderung menjejaskan kebergunaan pegawai itu sebagai seorang pegawai perkhidmatan awam; dan
 - 5.3 tidak akan dengan apa-apa cara cenderung bercanggah dengan kepentingan perkhidmatan awam atau menjadi tidak selaras dengan kedudukan pegawai itu sebagai seorang pegawai perkhidmatan awam.

6. Kerjasama dan perhatian daripada Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA. Dato' Sri/ YB. Dato' Indera/ YH Dato' Sri/ YH. Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"Mudah, Cepat, Telus"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' SRI MUHAMMAD SAFIAN BIN ISMAIL,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PJN., AAP., AMP.)